Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 5(2): 83-91 (1997) ISSN: 0128-7702
© Universiti Putra Malaysia Press

Pendapatan dan Pembelanjaan Pekerja Migran Wanita: Suatu Perbandingan antara Sektor Awam, Industri dan Jualan

LAILY PAIM dan NURIZAN YAHAYA
Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Kata kunci: penggunaan, perbelanjaan, pola perbelanjaan, kesejahteraan material

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji corak pendapatan dan perbelanjaan pekerja migran wanita Semenanjung Malaysia. Seramai 969 pekerja wanita yang berumur antara 15 hingga 30 tahun yang telah berhijrah dari tempat kelahiran ke tempat lain dipilih sebagai responden kajian. Responden telah dipilih secara rawak berlapis dari lima zon iaitu utara (Perlis, Kedah dan Pulau Pinang), tengah (Perak dan Selangor), selatan (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor), timur (Pahang, Terengganu dan Kelantan), dan metropolitan (Kuala Lumpur). Responden mewakili sektor awam (41%), industri (38%) dan jualan (21%). Hasil kajian mendapati bahawa wanita yang dikaji kebanyakannya masih bujang, muda (purata umur 24 tahun) dan berpendidikan setakat SPM. Analisis Chi-square menunjukkan terdapat perbezaan pendapatan yang signifikan mengikut sektor, kumpulan umur, dan taraf pendidikan. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi peratusan pendapatan yang dibelanjakan untuk makanan, perumahan dan pengangkutan mengikut sektor, umur, taraf pendidikan dan taraf perkahwinan.

ABSTRACT

The purpose of the study was to determine income and expenditure patterns of female migrant workers in Peninsular Malaysia. The 969 workers between 15 - 30 years old chosen as respondents were selected from 5 zones, i.e., north (Perlis, Kedah and Pulau Pinang), central (Perak and Selangor), south (Negeri Sembilan, Melaka and Johor), east (Pahang, Terengganu and Kelantan), and Metropolitan (Kuala Lumpur). Respondents were chosen from the public (41%), industrial (38%), and sales (21%) sectors. The results of the study revealed that most of the women were single, young (mean age of 24) and had an educational level of SPM. Chi-Square tests indicated that there was a significant difference in income among women of different sectors, ages, and levels of education. The results of the study also indicated that there was a significant difference in percentage of income spent on food, housing, and transportation among women of different sectors, ages, levels of education, and marital status.

PENGENALAN

Penggunaan adalah ukuran bagi kesejahteraan seseorang atau sesebuah isi rumah. Antara beberapa penentu penggunaan termasuklah sumber pendapatan, masa, kekayaan dan seumpamanya, harga, cita rasa, dan persekitaran. Pendapatan boleh diperolehi dari pelbagai sumber termasuklah upah/gaji, pulangan dari simpanan dan pelaburan, persaraan, kumpulan simpanan pekerja, sumbangan kebajikan, pemberian, warisan dan sebagainya. Pendapatan adalah ukuran tidak langsung bagi penggunaan. Pendapatan antara lainnya ditentukan oleh tahap pendidikan dan bidang/jenis pekerjaan yang diceburi. Perbezaan bidang/jenis pekerjaan yang diceburi oleh kaum wanita dan lelaki menyumbang kepada perbezaan pendapatan antara wanita dan lelaki (Bergmann, 1986). Selain dari itu, diskriminasi antara jantina juga menyumbang kepada perbezaan ini (Bergmann, 1986). Masalah ini bukanlah masalah yang dihadapi di negara membangun sahaja, malahan negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom juga mengalami masalah diskriminasi

upah dan jenis pekerjaan antara lelaki dan wanita (Bergmann 1986).

Selain daripada pendapatan, perbelanjaan juga digunakan untuk mengukur tahap penggunaan, seterusnya kesejahteraan. Walaupun data tentang perbelanjaan mempunyai beberapa limitasi untuk mengukur penggunaan namun ianya mudah dan murah untuk diperolehi. Antara batasan data perbelanjaan adalah ia tidak memberikan gambaran yang tepat tentang penggunaan barangan tahan lama yang sebenar dan barangan yang dibeli lebih awal daripada masa pengumpulan data. Selain daripada itu data perbelanjaan juga tidak mengambil kira sisa (disposal) daripada barangan dan perkhidmatan yang dibeli (Magrabi *et al.* 1991).

Tidak dapat dinafikan bahawa sumbangan wanita dalam sektor pekerjaan telah menggalakkan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang pesat di Malaysia. Golongan wanita telah merebut peluang pekerjaan di bandar terutama dalam bidang elektronik dan tekstil (Ozay 1986). Penglibatan wanita sebagai pekerja pertanian telah berkurang dari 66.8% pada tahun 1970 kepada 46.3% pada tahun 1980 dan kepada 28.1% pada tahun 1990 (Rancangan Malaysia Keenam 1991). Sebaliknya penglibatan wanita sebagai pekerja pengeluaran, buruh dan berkaitan telah meningkat dari 10.4% pada tahun 1970 kepada 17.6% pada tahun 1980 kepada 22.3% pada tahun 1990 (Rancangan Malaysia Keenam 1991). Arah aliran ini akan terus meningkat pada masa akan datang berdasarkan kepada pertumbuhan sektor industri yang begitu pesat pada masa ini. Keadaan ini menunjukkan bahawa wanita yang dahulunya bekerja di ladang sebagai pekerja pertanian kini telah berhijrah ke bandar di mana sebahagian besarnya bekerja di sektor pembuatan. Namun begitu, disebabkan oleh pendidikan mereka yang rendah dibandingkan dengan pekerja lelaki, mereka lazimnya menjawat jawatan dengan upah yang lebih rendah.

Dengan taraf pendidikan yang rendah yang seterusnya menyumbang kepada pendapatan yang rendah, bagaimanakah tahap kehidupan pekerja migran wanita ini? Umumnya manusia bertingkah laku ke arah meningkatkan kesejahteraan. Oleh itu diandaikan bahawa penghijrahan wanita dari desa ke bandar sebenarnya diiringi dengan peningkatan dalam tahap kesejahteraaan hidup (terutamanya kesejahteraan material). Data pendapatan dan perbelanjaan pekerja migran wanita telah dianalisis untuk memberikan gambaran tentang kecukupan pendapatan untuk menyara kehidupan mereka di bandar. Namun begitu, perbandingan tahap hidup pekerja migran wanita ini pada masa dahulu dan sekarang tidak dapat dibandingkan kerana kekurangan data.

Kajian ini umumnya bertujuan untuk mengkaji corak pendapatan dan perbelanjaan pekerja migran wanita Semenanjung Malaysia. Beberapa analisis telah dijalankan untuk membandingkan pendapatan dan perbelanjaan wanita migran mengikut sektor dan beberapa angkubah sosioekonomi.

Pendapatan sebagai Penentu Penggunaan

Terdapat banyak teori yang dikemukakan oleh ahli ekonomi dalam usaha menerangkan peranan pendapatan sebagai penentu penggunaan. Antara teori tersebut termasuklah 'Absolute Income Hypothesis' (Keynes 1936), 'Relative Income Hypothesis' (Duesenberry 1949), 'Permanent Income Hypothesis' (Friedman 1957) dan 'Life Cycle Hypothesis' (Modigliani and Brumberg 1962).

'Absolute Income Hypothesis' menerangkan bahawa penggunaan ditentukan oleh pendapatan boleh guna (disposable income). Walau bagaimanapun teori ini dikritik kerana ia hanya dapat menerangkan penggunaan dalam jangka masa pendek. Selain dari itu kecenderungan mengguna marginal (marginal propensity to consume) juga didapati tidak konstan bagi semua tahap pendapatan.

'Relative Income Hypothesis' yang diperkenalkan oleh Duesenberry (1949) menyatakan bahawa penggunaan individu dan/atau isirumah bergantung kepada pendapatan individu/isi rumah lain dalam komuniti, dan tahap pendapatan sebelumnya. Penggunaan bergantung kepada kedudukan seseorang itu dalam agihan pendapatan. Dengan lain perkataan individu atau isi rumah akan cuba mencapai tahap penggunaan yang dicapai oleh individu/isi rumah disekelilingnya. Selain daripada itu teori ini juga menerangkan bahawa adalah lebih mudah untuk menyesuaikan diri dengan pendapatan yang bertambah dari pendapatan yang menurun. Individu atau isi rumah dengan mudah akan dapat meningkatkan penggunaan mereka apabila pendapatan bertambah, tetapi adalah sukar bagi individu atau isi rumah untuk merendahkan tahap

penggunaan mereka apabila pendapatan berkurang. Malahan individu atau isi rumah akan berusaha untuk mengekalkan tahap penggunaan mereka sekarang, walaupun tidak meningkatkannya.

Permanent Income Hypothesis' (Friedman 1957) menyatakan bahawa penggunaan bergantung kepada pendapatan tetap. Pendapatan merangkumi dua komponen utama iaitu pendapatan tetap dan tidak tetap. Oleh kerana individu hanya menggunakan kadar yang berterusan dari pendapatan tetap mereka, maka pendapatan yang tidak dijangka seperti durian runtuh, bonus dan seumpamanya tidak akan mengubah corak penggunaan. Namun begitu, pendapatan tidak tetap ini akan mempengaruhi simpanan.

Akhirnya 'Life Cycle Hypothesis' (Modigliani and Brumberg 1962) menerangkan bahawa individu menggunakan kadar yang tetap daripada pendapatan mereka pada setiap masa. Umumnya ramai orang mempunyai pendapatan di tahap yang paling tinggi dalam agihan pendapatan semasa umur pertengahan, dan ramai orang muda dan tua berada di tahap pendapatan yang lebih rendah.

Selain daripada teori yang diterangkan di atas, beberapa kajian empirikal yang lalu juga ada menerangkan faktor-faktor yang mempengaruhi perbelanjaan atau penggunaan sesebuah keluarga itu. Antaranya termasuklah saiz keluarga dan komposisi (Abdel-Ghany and Schwenk 1993), umur (Chen and Chu 1982; Lydall 1995) pendapatan (Chen and Chu 1982), pendidikan (Abdel-Ghani and Foster 1982; Abdel-Ghany and Schwenk 1993; Horton and Haftrom 1985) dan pekerjaan (Horton and Haftrom 1985)

Kesemua teori dan kajian empirikal di atas boleh dijadikan asas dalam menerangkan bagaimana pendapatan mempengaruhi penggunaan seseorang. Kajian ini akan mengkaji bagaimana faktor pendapatan, umur, sektor pekerjaan, dan pendapatan yang berbeza mempengaruhi perbelanjaan atau penggunaan penghijrah wanita yang dikaji.

METODOLOGI

Data untuk kajian ini telah dikumpulkan dari pekerja migran wanita Semenanjung Malaysia. Untuk tujuan persampelan, Semenanjung Malaysia telah dibahagikan kepada lima zon, iaitu utara (Perlis, Kedah dan Pulau Pinang), tengah (Perak dan Selangor), metropolitan (Kuala Lumpur), Selatan (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor) dan timur (Pahang, Terengganu dan Kelantan). Teknik persampelan rawak berlapis telah digunakan untuk memilih negeri dan daerah bagi mewakili setiap zon. Negeri yang terpilih adalah Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor dan Pahang. Manakala daerah yang terpilih adalah Pulau Pinang Bandar dan Seberang Prai Tengah (Pulau Pinang), Petaling Jaya, Ulu Langat dan Gombak (Selangor), Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur), Kluang dan Johor Bharu (Johor) serta Kuantan dan Bentong (Pahang).

Seramai 969 orang pekerja wanita berumur antara 15 hingga 30 tahun yang telah berpindah dari tempat kelahiran ke kawasan lain telah terpilih sebagai responden kajian. Dari jumlah tersebut, 369 orang adalah pekerja industri yang mana kebanyakannya dari industri eletronik dan elektrik, 203 orang pekerja sektor jualan, dan 397 orang pekerja sektor awam. Data dikumpulkan melalui temu bual berdasarkan borang soal selidik di tempat kerja dan di tempat kediaman antara September 1993 hingga Mac 1994 oleh penemu bual terlatih. Data dianalisis menggunakan program SPSSpc.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Responden

Hasil kajian menunjukkan sebahagian besar pekerja wanita ini (87 peratus) berumur antara 20 hingga 30 tahun. Hanya 13 peratus berumur di bawah 20 tahun. Purata umur mereka adalah 23.8 tahun. Sebahagian besar wanita yang dikaji (90.5 peratus) berbangsa Melayu. Seramai 72.4 peratus masih bujang, 25.7 peratus telah berkahwin dan seorang janda. Dari segi umur mengikut sektor juga di dapati pekerja wanita sektor awam adalah lebih tua dibandingkan dengan sektor yang lain. Lebih ramai pekerja sektor awam yang telah berkahwin berbanding sektor industri dan jualan.

Melihat kepada taraf pendidikan, didapati kebanyakan wanita yang dikaji (68%) mendapat pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia. Manakala 10.8% mempunyai kelulusan universiti. Hanya 14% wanita ini yang mempunyai pendidikan setakat Sijil Rendah Pelajaran. Umumnya pekerja wanita sektor awam mempunyai taraf pendidikan yang lebih baik dibandingkan dengan sektor jualan dan industri (Lihat Jadual 1).

Dari segi pekerjaan yang diceburi, bagi sektor awam, jenis pekerjaan termasuklah guru, kerani

JADUAL 1
Latar belakang pekerja wanita mengikut sektor

Latar belakang	Sektor			
	Awam (41%)	Industri (38%)	Jualan (21%)	Jumlah (100%)
Umur (tahun):				
15-19	3.0	19.5	20.7	13.0
20-24	41.8	48.6	34.9	42.9
25-30	55.2	31.9	44.4	44.1
Taraf perkahwinan:				
Bujang	55.7	81.1	78.4	72.4
Berkahwin	44.3	18.9	21.1	\27.5
Janda	0	0	0.5	0.1
Taraf pendidikan:				
Darjah Enam	0	3.8	4.4	2.6
SRP	1.5	20.1	30.5	14.7
SPM/SPVM	40.9	62.9	56.2	52.3
STPM	26.3	10.2	5.4	15.7
Maktab/Politeknik	7.3	1.1	2.5	3.9
Universiti	24.1	1.9	1.0	10.8

dan pembantu am rendah. Di sektor industri, kebanyakan pekerja wanita adalah terdiri daripada operator pengeluaran. Manakala di sektor jualan, lebih daripada separuh wanita bekerja sebagai jurujual.

Pendapatan

Pendapatan dikira berdasarkan upah atau gaji bulanan yang diterima daripada pekerjaan utama. Terdapat perbezaan gaji yang ketara antara pekerja-pekerja ini dengan julat pendapatan antara RM121 hingga RM2300. Purata pendapatan mengikut sektor menunjukkan pekerja sektor industri berpendapatan purata terendah (RM462.79) berbanding dengan pekerja sektor jualan (RM473.02) dan pekerja sektor awam (RM704.69).

Dari Jadual 2 didapati lebih ramai pekerja wanita di sektor industri menerima pendapatan yang rendah manakala lebih ramai pekerja wanita sektor awam memperolehi pendapatan yang lebih tinggi. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan umur dan taraf pendidikan mereka. Kedua-dua faktor ini menyumbang kepada jumlah pendapatan yang diterima.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa sebahagian besar pendapatan adalah dari pekerjaan utama. Hanya sebilangan kecil (kurang daripada 2%) pekerja wanita yang memperolehi pendapatan dari pekerjaan sampingan. Lebih separuh daripada mereka yang terlibat ini adalah pekerja sektor awam. Memandangkan masa

JADUAL 2
Pendapatan utama pekerja wanita mengikut sektor

Pendapatan	Sektor			
	Awam (41%)	Industri (38%)	Jualan (21%)	Jumlah (100%)
<RM 251	0.8	4.6	9.9	4.1
RM251-RM500	47.6	73.4	63.5	60.8
RM501-RM750	24.4	15.5	18.2	19.2
RM751-RM1000	5.0	5.4	6.4	5.5
>RM1000	22.2	1.1	2.0	9.9

bekerja yang lebih teratur (tidak mengikut waktu syif seperti kebanyakan pekerja sektor industri) membolehkan mereka ini membuat kerja sampingan. Kerja sampingan termasuklah mengajar di kelas tambahan, dan berniaga. Walaupun tidak ramai yang melakukan kerja sampingan namun pendapatan yang diperolehi adalah lumayan. Pendapatan sampingan pekerja sektor jualan adalah jauh lebih tinggi (purata RM1687 sebulan) daripada pekerja sektor industri (purata RM300) dan sektor awam (purata RM550).

Sumber-sumber pendapatan yang lain termasuklah bonus dan dividen. Sumber pendapatan dari sewa, pajak dan seumpamanya tidak penting. Hanya sebilangan kecil pekerja yang memperolehi pendapatan dari sumber ini. Ini kerana wanita-wanita ini masih muda dan belum mempunyai harta yang boleh disewakan atau dipajak.

Ujian Chi square digunakan untuk menguji perbezaan jumlah pendapatan mengikut sektor, kumpulan umur, taraf pendidikan, dan tempat lahir. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan jumlah pendapatan yang signifikan mengikut sektor ($p<.001$), kumpulan umur ($p<.001$), dan taraf pendidikan ($p<.001$) (Jadual 3).

JADUAL 3
Ujian Chi-Kuasa Dua: Jumlah pendapatan mengikut kumpulan sektor, umur, taraf pendidikan, dan tempat lahir

Angkubah	N	χ^2	DF
Sektor	969	121.58**	8
Umur	969	65.77**	8
Tahap pendidikan	969	52.52**	8
Tempat lahir (asal)	969	22.49	12

** $p< .0001$

Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak semua wanita yang dikaji membelanjakan pendapatan mereka untuk semua kategori perbelanjaan. Jadual 4 menunjukkan purata bagi beberapa kategori perbelanjaan yang dilakukan oleh lebih daripada 50% wanita dari setiap sektor. Kategori-kategori perbelanjaan lain yang tidak dimasukkan ke dalam jadual adalah kategori perbelanjaan yang dilakukan oleh kurang daripada 50% pekerja wanita mengikut sektor yang tertentu.

Perbelanjaan

Perbelanjaan untuk makanan merangkumi perbelanjaan makanan basah, kering dan makan di luar rumah. Hasil kajian menunjukkan bahawa perbelanjaan untuk makanan basah dan kering hanya penting (dilakukan oleh >50% wanita) bagi sektor awam dan industri. Pekerja sektor industri membelanjakan jumlah yang lebih rendah dibandingkan dengan pekerja sektor awam.

Bagi pekerja sektor jualan, perbelanjaan makan di luar rumah adalah lebih penting dari menyediakan makanan sendiri dan jumlah yang dibelanjakan juga adalah lebih tinggi dari yang dibelanjakan oleh sektor awam dan industri. Jika dilihat kepada purata perbelanjaan makanan keseluruhannya didapati tiada perbezaan yang ketara antara pekerja sektor awam dan jualan, iaitu masing-masing RM203.63 dan RM202.34. Namun jumlah yang dibelanjakan oleh pekerja sektor industri adalah jauh lebih rendah iaitu RM127.41 sebulan. Keadaan ini dapat diterangkan dengan latar belakang mereka di mana lebih ramai pekerja sektor awam yang telah berkahwin (44.3%) dan mempunyai keluarga di samping

JADUAL 4
Purata perbelanjaan mengikut sektor

Perbelanjaan	Sektor Awam (N=397)		Sektor Industri (N=369)		Sektor Jualan (N=203)	
	RM	n(%)	RM	n(%)	RM	n(%))
Makanan						
Bahan kering	68.11	283 (71.3)	38.4	288 (78.0)		
Bahan basah	76.83	243 (61.2)	39.40	273 (74.0)		
Makan di luar	110.67	329 (82.9)	80.14	285 (77.2)	163.2 8	157 (77.3)
Perumahan						
Sewa	132.23	285 (71.8)				
Bil air	12.33	282 (71.0)	7.45	187 (50.7)		
Bil elektrik	17.42	276 (69.5)	8.42	190 (51.5)		
Bil telefon	43.09					
Gas/Minyak	9.67	242 (61.0)	5.14	231 (62.6)		
Pengangkutan						
Tambang	43.94	310 (78.1)				
Perbelanjaan lain						
Barangan kegunaan harian	36.73 (94.0)	373 (97.3)	25.83 (81.3)	359	34.59	165
Bahan bacaan	24.86	327 (82.4)	13.37	235 (63.7)	21.52	130 (64.0)
Pakaian			49.51	212 (57.5)		

mempunyai pendapatan yang lebih tinggi dibandingkan dengan pekerja sektor industri yang kebanyakannya masih bujang.

Bagi perbelanjaan perumahan, item yang penting bagi pekerja sektor awam termasuklah sewa, bil dan gas. Ini dapat diterang dengan kebanyakan pekerja awam yang telah berumah tangga. Bagi wanita sektor industri pula perbelanjaan perumahan yang penting adalah bagi bil dan gas, manakala bagi pekerja sektor jualan tiada satupun perbelanjaan perumahan yang dilibatkan oleh lebih daripada 50% pekerja wanita yang dikaji. Pekerja sektor industri ramai yang tinggal di rumah yang disediakan oleh pihak kilang. Oleh itu sewa tempat tinggal telahpun diselaraskan dalam bayaran gaji mereka oleh pihak kilang. Namun begitu mereka ini kebanyakannya memasak makanan sendiri. Jika dilihat pada purata perbelanjaan perumahan keseluruhannya didapati perbelanjaan perumahan pekerja industri adalah lebih rendah (RM79.86) dibandingkan dengan pekerja sektor awam (RM203.68) dan sektor jualan (RM155.38). Sebanyak 82.5% pekerja industri membelanjakan kurang daripada RM100 sebulan untuk perumahan, sedangkan bagi pekerja sektor awam hanya 46.2% dan sektor jualan 56.6% membelanjakan jumlah yang sama.

Perbelanjaan pengangkutan yang penting adalah tambang bagi pekerja sektor awam. Bagi pekerja sektor industri dan jualan kurang daripada 50% pekerja yang membelanjakan pendapatan mereka untuk pengangkutan. Bagi perbelanjaan pengangkutan secara keseluruhannya, didapati pekerja industri membelanjakan jumlah yang lebih tinggi (RM182.62) dibandingkan dengan sektor awam (RM93.57) dan sektor jualan (RM93.49). Ini adalah kerana terdapat ramai pekerja industri yang tinggal jauh dari tempat kerja dan sebahagian mereka kerap juga pulang ke kampung pada masa cuti.

Jika dilihat dari kategori yang disenaraikan dalam Jadual 4 di atas didapati kategori simpanan dan memberi ibu bapa tidak dimasukkan kerana ia dilakukan oleh kurang daripada 50% wanita yang dikaji. Simpanan dan pemberian kepada ibu bapa umumnya menunjukkan lebihan daripada pendapatan setelah memenuhi keperluan asas. Oleh itu lebih 50% pekerja migran wanita yang dikaji tidak menyimpan atau memberikan sebahagian daripada pendapatan mereka kepada ibubapa.

Peratusan Perbelanjaan dari Pendapatan

Selain daripada meneliti jumlah pendapatan yang dibelanjakan, pola perbelanjaan juga boleh dianalisis dengan menentukan peratusan yang dibelanjakan untuk item yang tertentu. Garis pemisah yang digunakan di sini ialah 30% daripada jumlah pendapatan. Peratusan ini adalah peratusan yang diperkenalkan dalam peraturan Engel di mana perbelanjaan makanan yang melebihi 30% menunjukkan tahap hidup yang rendah. Walaupun garis pemisah ini lebih sesuai untuk makanan namun ia boleh juga memberikan gambaran pola perbelanjaan pekerja wanita yang dikaji.

Analisis mendapati kebanyakan pekerja wanita membelanjakan 30% daripada pendapatan mereka untuk makanan terutamanya yang telah berkahwin (Lihat Jadual 5). Walau bagaimanapun hampir 25% daripada mereka membelanjakan lebih daripada 30%. Makanan merupakan antara keperluan asas yang perlu dipenuhi. Sekiranya peratusan daripada pendapatan yang dibelanjakan untuk makanan adalah besar menunjukkan bahawa seorang/sesebuah isi rumah itu masih di tahap kehidupan yang agak rendah. Ini juga bermakna bahawa perbelanjaan untuk keperluan dan kehendak lain berkemungkinan terjejas atau tidak dapat dipenuhi.

Bagi perbelanjaan perumahan dan pengangkutan, kebanyakan mereka (>75%) sama ada yang belum ataupun telah berkahwin membelanjakan ≤30% daripada jumlah pendapatan. Perbelanjaan untuk simpanan menunjukkan pola yang agak menarik di mana lebih ramai pekerja wanita bujang yang menyimpan lebih daripada 30% pendapatan mereka terutamanya bagi pekerja industri. Seramai 40% daripada pekerja bujang dari sektor industri menyimpan lebih daripada 30% pendapatan mereka.

Sebaliknya pekerja wanita sektor industri yang telah berkahwin paling sedikit (hanya 3%) menyimpan melebihi 30% pendapatan mereka. Mungkin peratusan sebanyak 30% ini terlalu tinggi sebagai garis pemisah namun ia dapat memberikan gambaran bahawa pekerja wanita bujang lebih banyak menyimpan dibandingkan dengan pekerja yang telah berkahwin. Berkemungkinan juga mereka yang telah berkahwin mempunyai simpanan daripada pendapatan suami atau memerlukan perbelanjaan yang lebih untuk menyara anak-anak.

JADUAL 5
Peratusan perbelanjaan dari jumlah pendapatan mengikut sektor dan taraf perkahwinan

Perbelanjaan	Sektor Awam (N=397)		Sektor Industri (N=369)		Sektor Jualan (N=201)	
	B (%)	K (%)	B (%)	K (%)	B (%)	K (%)
Makanan	n=234	n=153	n=315	n=46	n=128	n=53
≤ 30%	75.6	88.2	68.6	71.7	34.4	69.8
> 30%	24.4	11.8	31.4	28.3	65.6	30.2
Perumahan	n=212	n=149	n=256	n=47	n=86	n=43
≤ 30%	86.8	96.6	94.1	97.9	77.9	79.1
> 30%	13.2	3.4	5.9	2.1	22.1	20.9
Pengangkutan	n=188	n=122	n=64	n=26	n=57	n=18
≤ 30%	85.6	86.1	85.9	84.6	96.5	88.9
> 30%	14.4	13.9	14.1	15.4	3.5	11.1
Simpanan	n=185	n=122	n=225	n=34	n=80	n=35
≤ 30%	88.1	96.7	61.4	97.0	77.5	91.4
> 30%	11.9	3.7	39.6	3.0	22.5	8.6
Beri Ibubapa	n=200	n=114	n=277	n=36	n=70	n=24
≤ 30%	93.0	100.00	79.8	97.2	60.0	91.7
> 30%	7.0	0.0	20.2	22.8	40.0	8.3

Satu lagi penemuan yang agak menarik adalah mengenai peratusan pendapatan yang diberikan kepada ibu bapa. Hasil kajian menunjukkan bahawa lebih ramai pekerja bujang yang memberikan peratusan daripada pendapatan mereka yang lebih tinggi (>30% pendapatan) dibandingkan dengan pekerja yang telah berkahwin terutamanya pekerja sektor jualan. Seramai 40% pekerja bujang sektor jualan memberikan lebih daripada 30% pendapatan mereka kepada ibubapa dibandingkan dengan pekerja bujang sektor industri (20%) dan sektor awam (7%).

Ujian Chi square telah dilakukan untuk melihat perbezaan perbelanjaan mengikut sektor, umur, taraf pendidikan, taraf perkahwinan dan tempat lahir (Lihat Jadual 6). Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi peratusan pendapatan yang dibelanjakan untuk makanan, perumahan dan pengangkutan mengikut sektor, umur, taraf pendidikan dan taraf perkahwinan (Lihat Jadual 6). Hasil kajian menyokong dapatan kajian lalu.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Terdapat perbezaan latar belakang pekerja migran wanita yang dikaji mengikut sektor. Perbezaan umur, taraf perkahwinan, sektor dan taraf pendidikan menyumbang kepada perbezaan pendapatan dan pola perbelanjaan. Hasil kajian ini selari dengan hasil kajian lalu yang menunjukkan bahawa faktor pendapatan, umur, dan tahap pendidikan mempengaruhi pola perbelanjaan.

Dari segi pendapatan dapat disimpulkan bahawa pekerja sektor industri mempunyai pendapatan yang hampir sama dengan pekerja sektor jualan walaupun mereka mempunyai tahap pendidikan yang lebih baik. Dengan jenis pekerjaan yang di jalankan, mereka sepatutnya mendapat pendapatan yang lebih tinggi.

Responden wanita yang berkahwin pula didapati mempunyai pendapatan isi rumah yang lebih tinggi; namun ini tidak bermakna mereka menikmati kehidupan yang lebih baik. Mereka juga membelanjakan sebahagian daripada pendapatan mereka untuk menyara anak-anak. Jumlah peruntukan itu agak tinggi terutamanya di bandar.

Kurang daripada 50% pekerja dari semua sektor yang dikaji memberi sumbangan kepada ibu bapa. Dari hasil kajian ini dapat disimpulkan bahawa penghijrahan ke bandar sekurang-kurangnya dapat menampung perbelanjaan hidup wanita itu sendiri. Walaupun mereka ini tidak menyimpan namun mereka ini tinggal di rumah yang agak sempurna dan dapat menikmati kemudahan yang terdapat di persekitaran mereka. Namun begitu, masih terdapat sebilangan pekerja wanita bujang yang menyimpan dan menyumbang kepada ibu bapa mereka dengan jumlah yang agak besar,

JADUAL 6
Ujian chi-kuasa dua: perbelanjaan mengikut sektor, umur, taraf pendidikan, taraf perkawinan dan tempat lahir

Angkubah	N	χ^2	DF
Sektor			
Makanan	969	79.59**	6
Perumahan	969	110.63**	6
Pengangkutan	969	86.58**	6
Umur			
Makanan	969	81.01**	6
Perumahan	969	85.26**	6
Pengangkutan	969	57.91**	6
Tahap pendidikan			
Makanan	969	45.63**	6
Perumahan	969	45.28**	6
Pengangkutan	969	29.20**	6
Taraf perkahwinan			
Makanan	968	130.20**	3
Perumahan	968	160.00**	3
Pengangkutan	968	132.18**	3
Tempat lahir (asal)			
Makanan	969	17.36	9
Perumahan	969	19.89	9
Pengangkutan	969	7.23	9

** p<.0001

terutamanya pekerja sektor jualan dan industri. Ini adalah kerana kebanyakan mereka berasal dari luar bandar dan berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan dan membantu ibu bapa.

Sekiranya angkubah taraf perkahwinan diambil kira menggantikan angkubah sektor, dijangkakan hasil kajian akan berbeza. Peratusan perbelanjaan dari pendapatan jelas menunjukkan bahawa taraf perkahwinan menentukan peratusan pendapatan yang disimpan atau disumbangkan kepada ibubapa.

Untuk memastikan bahawa wanita yang berhijrah ke bandar dapat hidup dalam keadaan yang mencukupi, pihak kerajaan dan majikan perlulah memperbanyak usaha meningkatkan kesejahteraan wanita ini terutamanya wanita yang bekerja di sektor industri. Sebagaimana yang ditunjukkan oleh hasil kajian di mana pekerja industri mendapat upah yang terendah, kemudahan tempat tinggal dan pengangkutan yang murah akan sedikit sebanyak dapat membantu mereka memenuhi keperluan asas yang lain.

RUJUKAN

Abdel-Ghany, M. and A.C. Foster. 1982. Impact of income and wife's education on family consumption expenditures *Journal of Consumer Studies and Home Economics* **6**: 21-28.

Abdel-Ghany, M. and Schwenk, F.N. 1993. Functional forms of household expenditure patterns in the United States. *Journal of Consumer Studies and Home Economics* **12**: 325-339.

Bergmann, B.R. 1986. *The Economic Emergence of Women.* New York: Basic Books.

Chen, Y.P. and K.W. Chu 1982. Household expenditure patterns *Journal of Family Issues* **3(2)**: 233-249.

Duesenberry, J.S. 1949. *Income, Saving and the Theory of Consumer Behavior.* Cambridge: Harvard University Press.

Friedman, M. 1957. *A Theory of the Consumption Function.* Princeton, NJ: Princeton University Press.

Horton, S.E. and J.L. Hafstrom. 1985. Income elasticities for selected consumption categories: Comparison of single female-headed and two-parent families, *Home Economics Research Journal*, **13(3)**: 292-303.

Keynes, J.M. 1936. *The General Theory of Employment, Interest and Money.* London: Macmillan.

Lydall, H. 1995. The life-cycle in income, saving and asset ownership. *Journal of the Econometric Society* **23(2)**: 131-150.

MAGRABI, F.M., Y.S. CHUNG, S.S. CHA and S-J. YANG. 1991. *The Economics of Household Consumption.* New York: Praeger.

MODIGLIANI, R. and R. BRUMBERG 1962. Utility analysis and the consumption function: An interpretation of cross-section data. In *Post Keynesian Economics* ed. K. Kuribara. p. 388-437. New Brunswick, NJ: Rutgers University Press.

OZAY, M. 1986. Pagar makan padi. Kuala Lumpur: Insan.

RANCANGAN MALAYSIA KEENAM. 1991.

(Diterima 19 April 1995)